

Umur bersara kakitangan sektor awam 56 tahun

Oleh
AKMAR HISHAM MOKHLES

KUALA LUMPUR 17 Mac — Kerajaan bersetuju untuk melanjutkan usia persaraan wajib kakitangan sektor awam dari pada 55 tahun sekarang kepada 56 tahun

Keputusan itu dimaklumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir kepada Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) pada satu perjumpaan di Putrajaya Rabu lalu

CUEPACS berharap pelaksanaan usia bersara 56 tahun itu dapat dikuatkuasakan mulai tahun ini

Setiausaha Agung CUEPACS Abdul Rahman Manan pada sidang akhbarinya hari ini berkata kerajaan mahu tahap umur itu (56 tahun) dilaksanakan terlebih dahulu sebelum melanjutkannya sehingga 58 tahun

Katanya buat permulaan kerajaan mahu usia 56 tahun itu dijalankan secara percubaan sebelum melanjutkan lagi usia persaraan itu

Menurut beliau sekiranya tempoh percubaan memberi kesan positif kepada rakyat dan negara ada kemungkinan usia persaraan itu akan dilanjutkan sehingga usia 58 tahun

● PM setuju SSB

dikaji semula — Muka 2

Ini kerana kita menuntut usia persaraan wajib ialah 58 tahun dan bukannya 56 tahun

‘Bagaimanapun ini tetap melegakan kita dan kita amat berharap ia dapat dilaksanakan secepat mungkin katanya pada sidang akhbar itu selepas mempengerusikan mesyuarat

khas Jawatankuasa Gred Perubatan CUEPACS di sini hari ini

Abdul Rahman menambah pihaknya memahami keputusan kerajaan yang hanya mahu melanjutkan usia persaraan selama setahun sahaja

Ini berikutan kerajaan telah mengambil kira pelbagai aspek seperti kadar jangka hayat rakyat soal pengangguran di kalangan lepasan sekolah dan universiti serta peluang kenaikan pangkat kakitangan

Selain itu ia turut menyentuh tentang masalah sosial yang

mungkin timbul kesan daripada langkah itu di samping aspek kerajaan kehilangan banyak kakitangan mahir dan pakar apabila terpaksa bersara pada usia 55 tahun

Sebelum dikuatkuasakan usia persaraan 56 itu ia akan melalui proses kelulusan kabinet pindaan Akta Pencen 1980 dan pewartaan pindaan itu

Tegas Abdul Rahman kelewatan dalam proses tersebut boleh memberi kesan kepada

■ Lihat muka 4

Umur bersara kakitangan sektor awam 56 tahun

UM 18 MAR 2001
10 000 hingga 14 000 kakitangan yang akan bersara setiap tahun

Kita berharap semua kakitangan terlibat dapat bersabar kerana kami akan terus meminta kerajaan mempercepatkan proses ini katanya sambil mengakui persetujuan kerajaan itu menandakan perubahan besar sedang berlaku dalam perkhidmatan awam

Dalam pada itu Abdul Rahman memberitahu CUEPACS memerlukan masa antara satu hingga dua tahun untuk menjalankan kajian tentang keberkesanan pelaksanaan umur persaraan baru itu

‘Tempoh itu adalah percubaan dan jika kita dapati ia banyak memberi kesan baik maka kita akan minta usia persaraan dilanjutkan lagi

Ini kerana pada ketika umur bersara ini ramai kakitangan yang masih sihat memandang purata jangka hayat rakyat ialah 75 tahun untuk wanita dan 72 tahun untuk lelaki katanya